

CNS9566

R GB 06-04 00168 BH647

AAB

Mahathir - Filipina

MALAYSIA TIDAK PERLU MINTA MAAF KEPADA FILIPINA

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak ada sebab bagi Malaysia untuk meminta maaf kepada Filipina di atas penangkapan lebih 1,000 pekerja Filipina di perkarangan Gereja St John, di sini, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, penangkapan itu tidak ada kena mengena dengan sebab agama selain operasi biasa pihak berkuasa.

"Sebelum inipun kita pernah menangkap pendatang haram beragama Islam yang berada dalam masjid tetapi tidak dilaporkan dan tidak menjadi satu isu," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan Aidil Fitri bersama media anjuran Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat di sini malam ini.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan seorang Senator Filipina baru-baru ini yang menuntut supaya kerajaan Malaysia meminta maaf kerana tindakan menangkap rakyatnya yang sedang berada dalam kawasan gereja.

Dalam operasi itu, polis mendapati 711 daripada lebih 1,000 pekerja Filipina yang ditangkap tidak memiliki permit kerja dan dokumen perjalanan.
-- Lagi

▼06/04/22-55MST

CNS9573

R GB 06-04 00143 BH649

AAB

Mahathir - Filipina 2 Kuala Lumpur

Bagaimanapun, polis kemudian membebaskan pekerja-pekerja Filipina itu selepas majikan mereka berjaya mengemukakan permit kerja masing-masing kecuali 31 orang yang terus ditahan kerana melakukan pelbagai kesalahan.

Dr Mahathir berkata, isu penangkapan pekerja Filipina di kawasan gereja itu telah dilabel sesetengah pihak sebagai perbuatan sengaja sebuah kerajaan yang ditadbir majoriti orang Islam di negara ini.

"Tapi saya juga ingin menyebut bahawa banyak pendatang haram Islam ditangkap di masjid di mana mereka sedang tidur... tidak ada apa-apa aduanpun," katanya.

Bagaimanapun, dalam isu penangkapan pekerja Filipina itu, mereka membuat "bising" kerana ada anggapan bahawa ia sengaja dilakukan dan kerajaan negara ini tidak mengambil berat mengenai agama-agama lain.

Perdana Menteri menyifatkan penangkapan itu adalah satu peristiwa malang kerana ia berlaku terhadap orang yang sedang berada dalam kawasan gereja. -- Lagi

▼06/04/23-09MST

CNS9575

R GB 06-04 00148 BH651

AAB

Mahathir - Filipina 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, walaupun polis telah mengambil pelbagai langkah berjaga-jaga, kerajaan masih berpendapat mereka sepatutnya lebih berhati-hati untuk mengelakkan dakwaan yang mereka tidak menghormati tempat-tempat agama.

Perdana Menteri, yang juga Menteri Dalam Negeri, mengarahkan semua pihak berkuasa supaya lebih sensitif ketika menjalankan tugas terutama yang melibatkan penangkapan di kawasan-kawasan yang ada hubungan dengan agama.

"Mereka sepatutnya elakkan membuat tangkapan di tempat-tempat agama supaya tidak disalah tafsir oleh mana-mana pihak," katanya.

Semalam, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, berkata operasi yang dijalankan oleh polis di kawasan gereja itu bertujuan mengesan pendatang asing yang memasuki negara ini tanpa permit yang sah.

Katanya, serbuan dan penangkapan pekerja Filipina itu bukan atas dasar untuk menindas orang Kristian tetapi bagi melaksanakan undang-undang negara ini. -- Bernama.

AH SN CR

06/04/93-2PMGT